 - (e) sekiranya keseluruhan harga belian tidak dijelaskan pada atau sebelum tarikh di perenggan (d) tersebut di atas, deposit yang dibayar di bawah perenggan (c) tersebut kepada pemegang gadaian, akan dirampas dan diuruskan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 267A Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Labis. Mukim—Chaah. No. P.T.D.—2852. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 3822 (Rumah Kediaman). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 143/2003 bertarikh 19 Mac 2003.

Bertarikh 7 Ogos 2017
[PPTDL(LR) 6/2016]

SHARIL NIZAM BIN ABDUL RAHIM
*Penolong Pentadbir Tanah
Labis*

No. 4773.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Amirza bin Misnadi, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 17 Januari 2018 bertempat di Pejabat Tanah Muar, Johor jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM240,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Empat Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu OCBC Bank (Malaysia) Berhad pada tarikh 20 September 2017 ini ialah RM226,666.56.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM24,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat daripada tarikh 16 Mei 2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Jalan Bakri. No. P.T.D.—12289. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 6817. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 5038/2013 bertarikh 10 Oktober 2013.

Bertarikh 20 September 2017
[PTDM(LEL) 47/2017]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
*b.p. Pentadbir Tanah
Muar*

No. 4774.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Amirza bin Misnadi, Pentadbir Tanah, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 17 Januari 2018 bertempat di Pejabat Tanah Muar, Johor jam 10.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM70,000.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian iaitu Bank Simpanan Nasional pada tarikh 20 September 2017 ini ialah RM94,000.99.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM7,000.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Ribu Sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120 hari) daripada tarikh jualan iaitu tidak lewat daripada tarikh 16 Mei 2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Muar. Bandar/Pekan/Mukim—Jalan Bakri. No. Lot—8128. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 961. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Pajak/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 153/2007 bertarikh 10 Januari 2007.

Bertarikh 20 September 2017
[PTDM(LEL) 49/2017]

MOHD. AMIRZA BIN MISNADI
b.p. Pentadbir Tanah
Muar

No. 4775.

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Mohd. Ezwan bin Abdul Ghani, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 1 November 2017 di Dataran Hadapan Cafeteria, Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru jam 11.00 pagi; dan
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu adalah RM1,170,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Satu Ratus Tujuh Puluh Ribu Sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM2,924,777.92 sehingga 9 Mei 2017 nama pemegang gadaian Hong Leong Islamic Bank Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki mendepositkan 10% daripada harga rizab RM117,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Tujuh Belas Ribu Sahaja) dalam bentuk Bank Draft Tempatan atau Cashier's Order di atas nama Hong Leong Islamic Bank Berhad ke dalam peti lelongan selewat-lewatnya jam 9.30 pagi pada hari lelongan tersebut. Penawar juga perlu membuat tambahan deposit mengikut harga yang berjaya dibida;
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
 - (i) maka jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam sub-perenggan (a) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
 - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
 - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (a) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Johor Bahru. Mukim—Pulai. No. Lot—137389. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1683. Bahagian Tanah (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 1987/2013 bertarikh 30 Oktober 2013.

Bertarikh 4 Oktober 2017
[PTDJB(L) 3/2017]

MOHD. EZWAN BIN ABDUL GHANI
Pentadbir Tanah
Johor Bahru

No. 4776.

(Seksyen 321)

NOTIS MENGENAI KEMASUKAN KAVEAT

Kepada Ajaib Singh a/l Inder Singh (K.P. 1808447) yang beralamat di Jalan Lama, Mersing Kecil, Mersing, Johor tuannya tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Ini adalah memaklumkan kepada kamu, bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 324, saya pada hari ini memasukkan ke dalam dokumen hakmilik daftar bagi tanah itu;

Suatu kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 184/2017 atas permohonan Sarjit Singh a/l Ajaib Singh (K.P. 700616-01-5591) beralamat di Blok 413, Serangoon Central, #06-357, 550413 Singapore, Luar Malaysia.

Kaveat ini adalah dimaksudkan untuk mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut itu dan natijahnya ialah menghalang, tertakluk kepada seksyen 322 (4) dan (5);

- (i) pendaftaran mana-mana instrumen urusan niaga yang dilaksanakan oleh atau bagi pihak tuannya tanah; dan apa-apa perakuan jualan yang berhubung dengannya,
- (ii) endorsan apa-apa tuntutan kepada faedah mana-mana tenansi yang dikecualikan daripada pendaftaran yang diberi oleh tuannya tanah; dan
- (iii) kemasukan apa-apa kaveat pemegang lien.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Mersing. Mukim—Mersing. No. P.T.D.—2290. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 313. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Daftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 24 Julai 2017
[PTD(MG) 4/10/28/2017(4)]

NORZIHANE BINTI ALI
Pentadbir Tanah
Mersing

No. 4777.

(Seksyen 321)

NOTIS MENGENAI KEMASUKAN KAVEAT

Kepada Chung Nan Yiew (K.P. 660404-01-6003) yang beralamat di No. RT 143, Kampung Gunung Lambak, 86000 Kluang, Johor tuanpunya tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Ini adalah memaklumkan kepada kamu, bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 324, saya pada hari ini memasukkan ke dalam dokumen hakmilik daftar bagi tanah itu;

Suatu kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 187/2017 atas permohonan Yau Koon Hong (K.P. 781205-01-6431) beralamat di No. P47, Kahang N/V, 86700 Kluang, Johor.

Kaveat ini adalah dimaksudkan untuk mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut itu dan natijahnya ialah menghalang, tertakluk kepada seksyen 322 (4) dan (5);

- (i) pendaftaran mana-mana instrumen urusan niaga yang dilaksanakan oleh atau bagi pihak tuanpunya tanah; dan apa-apa perakuan jualan yang berhubung dengannya,
- (ii) endorsan apa-apa tuntutan kepada faedah mana-mana tenansi yang dikecualikan daripada pendaftaran yang diberi oleh tuanpunya tanah; dan
- (iii) kemasukan apa-apa kaveat pemegang lien.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Mersing. Mukim—Padang Endau. No. M.L.O.—558. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2028. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Daftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 675/2016.

Bertarikh 24 Julai 2017
[PTD(MG) 4/10/29/2017(4)]

NORZIHANE BINTI ALI
Pentadbir Tanah
Mersing

No. 4778.

(Seksyen 321)

NOTIS MENGENAI KEMASUKAN KAVEAT

Kepada Chung Nan Yiew (K.P. 660404-01-6003) yang beralamat di No. RT 143, Kampung Gunung Lambak, 86000 Kluang, Johor tuanpunya tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Ini adalah memaklumkan kepada kamu, bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 324, saya pada hari ini memasukkan ke dalam dokumen hakmilik daftar bagi tanah itu;

Suatu kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 187/2017 atas permohonan Ang Sin Kui (K.P. 641202-01-5041) beralamat di No. 43, Jalan Laksamana, Taman Titiwangsa, 86000 Kluang, Johor.

Kaveat ini adalah dimaksudkan untuk mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut itu dan natijahnya ialah menghalang, tertakluk kepada seksyen 322 (4) dan (5);

- (i) pendaftaran mana-mana instrumen urusan niaga yang dilaksanakan oleh atau bagi pihak tuannya tanah; dan apa-apa perakuan jualan yang berhubung dengannya,
- (ii) endorsan apa-apa tuntutan kepada faedah mana-mana tenansi yang dikecualikan daripada pendaftaran yang diberi oleh tuannya tanah; dan
- (iii) kemasukan apa-apa kaveat pemegang lien.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Mersing. Mukim—Padang Endau. No. M.L.O.—558. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2028. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Daftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 675/2016.

Bertarikh 24 Julai 2017
[PTD(MG) 4/10/29/2017(5)]

NORZIHANE BINTI ALI
Pentadbir Tanah
Mersing

No. 4779.

(Seksyen 321)

NOTIS MENGENAI KEMASUKAN KAVEAT

Kepada Chung Nan Yiew (K.P. 660404-01-6003) yang beralamat di No. RT 143, Kampung Gunung Lambak, 86000 Kluang, Johor tuannya tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian.

Ini adalah memaklumkan kepada kamu, bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 324, saya pada hari ini memasukkan ke dalam dokumen hakmilik daftar bagi tanah itu;

Suatu kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 187/2017 atas permohonan Tan Yean Jiunn (K.P. 751109-06-5455) beralamat di No. 4, Jalan 4, Taman Sri Jaya, 86000 Kluang, Johor.

Kaveat ini adalah dimaksudkan untuk mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut itu dan natijahnya ialah menghalang, tertakluk kepada seksyen 322 (4) dan (5);

- (i) pendaftaran mana-mana instrumen urusan niaga yang dilaksanakan oleh atau bagi pihak tuannya tanah; dan apa-apa perakuan jualan yang berhubung dengannya,
- (ii) endorsan apa-apa tuntutan kepada faedah mana-mana tenansi yang dikecualikan daripada pendaftaran yang diberi oleh tuannya tanah; dan
- (iii) kemasukan apa-apa kaveat pemegang lien.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Mersing. Mukim—Padang Endau. No. M.L.O.—558. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2028. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Daftar Pajakan/Pajakan Kecil (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 675/2016.

Bertarikh 24 Julai 2017
[PTD(MG) 4/10/29/2017(6)]

NORZIHANE BINTI ALI
Pentadbir Tanah
Mersing

No. 4780.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada YHL Property Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 1216244-A) beralamat di No. C-1-3A, Block C, Kuchai Exchange No. 43, Jalan Kuchai Maju 13, 58200 Kuala Lumpur dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 11552/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Chong Chan Siong (K.P. 520823-01-5131) pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Kulai. No. Lot—1331. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 237451. Bahagian Tanah (jika ada)—6400/18300 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 20 Ogos 2017
[(258) dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4781.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada YHL Property Sdn. Bhd. (No. Syarikat: 1216244-A) beralamat di No. C-1-3A, Block C, Kuchai Exchange No. 43, Jalan Kuchai Maju 13, 58200 Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 11551/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Yong Kim Siew pemohon potong kaveat telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Kulai. No. Lot—2302. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 290317. Bahagian Tanah (jika ada)—3680/16830 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 20 Ogos 2017
[(259) dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4782.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada YHL Property Sdn. Bhd. beralamat di No. C-1-3A, Block C, Kuchai Exchange No. 43, Jalan Kuchai Maju 13, 58200 Kuala Lumpur dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 11552/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Hiwood United Sdn. Bhd. telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Kulai. No. Lot—1331. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 237451. Bahagian Tanah (jika ada)—Tiada. No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 28 Ogos 2017
[(254) dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4783.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada YHL Property Sdn. Bhd. beralamat di No. C-1-3A, Block C, Kuchai Exchange No. 43, Jalan Kuchai Maju 13, 58200 Kuala Lumpur dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 11552/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Moo Che Fah telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Kulai. No. Lot—1331. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 237451. Bahagian Tanah (jika ada)—Tiada. No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 28 Ogos 2017
[(255) dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4784.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada YHL Property Sdn. Bhd. beralamat di No. C-1-3A, Block C, Kuchai Exchange No. 43, Jalan Kuchai Maju 13, 58200 Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 11551/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Mao Chee Fah (P) telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Kulai. No. Lot—2302. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 290317. Bahagian Tanah (jika ada)—Tiada. No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 28 Ogos 2017
[(256) dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4785.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada YHL Property Sdn. Bhd. beralamat di No. C-1-3A, Block C, Kuchai Exchange No. 43, Jalan Kuchai Maju 13, 58200 Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 11551/2017 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Hiwood United Sdn. Bhd. telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Negeri—Johor. Mukim—Kulai. No. Lot—2302. Jenis dan No. Hakmilik—GRN. 290317. Bahagian Tanah (jika ada)—Tiada. No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 28 Ogos 2017
[(257) dlm.PTG(D) 16/2/2012]

*Pendaftar Hakmilik Tanah
Johor*

No. 4786.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Fahmi bin Johari (K.P. 740516-01-6913) beralamat di No. 16, Jalan Panggong, Taman Bukit Hijau, 86200 Simpang Renggam, Johor Darul Ta'zim dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 295/2016 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Othman bin Johari (K.P. 620202-10-5781) pemohon potong kaveat membuat permohonan kepada saya supaya kaveat itu yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Rengam. No. L.O.—667. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5. Bahagian Tanah (jika ada)—2/7 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 19 September 2017
[Bil.(11)dml.PTDK Kaveat/2017]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
Pentadbir Tanah
Kluang

No. 4787.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Fahmi bin Johari (K.P. 740516-01-6913) beralamat di No. 16, Jalan Panggong, Taman Bukit Hijau, 86200 Simpang Renggam, Johor Darul Ta'zim dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 295/2016 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Heriyati bt. Johari (K.P. 750701-01-5890) pemohon potong kaveat membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Rengam. No. L.O.—667. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5. Bahagian Tanah (jika ada)—1/7 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 19 September 2017
[Bil.(11)dml.PTDK Kaveat/2017]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
Pentadbir Tanah
Kluang

No. 4788.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Fahmi bin Johari (K.P. 740516-01-6913) beralamat di No. 16, Jalan Panggong, Taman Bukit Hijau, 86200 Simpang Rengggam, Johor Darul Ta'zim dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 295/2016 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Ahmad Pauzi bin Johari (K.P. 660218-05-5287) pemohon potong kaveat membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Rengam. No. L.O.—667. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5. Bahagian Tanah (jika ada)—2/7 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 19 September 2017
[Bil.(11)dIm.PTDK Kaveat/2017]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
Pentadbir Tanah
Kluang

No. 4789.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Fahmi bin Johari (K.P. 740516-01-6913) beralamat di No. 16, Jalan Panggong, Taman Bukit Hijau, 86200 Simpang Rengggam, Johor Darul Ta'zim dan atas permintaannya Kaveat Persendirian atas tanah Perserahan No. 295/2016 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas itu adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri/kepentingan khusus yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya tuanpunya tanah Muhamad Fadil bin Johari (K.P. 711013-01-6599) pemohon potong kaveat membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lebih lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Daerah—Kluang. Mukim—Rengam. No. L.O.—667. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5. Bahagian Tanah (jika ada)—2/7 (mengikut syer). No. Daftar Pajak (jika ada)—Tiada. No. Daftar Gadaian (jika ada)—Tiada.

Bertarikh 19 September 2017
[Bil.(11)dIm.PTDK Kaveat/2017]

FAZLINA AZAWIYAH BINTI ESA
Pentadbir Tanah
Kluang

No. 4790.

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

PENDAPATAN

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 26.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

ASAS KEPADA PENDAPAT

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

KEBEBASAN DAN TANGGUNGJAWAB ETIKA LAIN

Saya adalah bebas daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards Of Supreme Audit Institutions*.

MAKLUMAT LAIN SELAIN DARIPADA PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN JURUAUDIT MENGENAINYA

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

TANGGUNGJAWAB DATUK BANDAR TERHADAP PENYATA KEWANGAN

Datuk Bandar bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Mesyuarat Penuh Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1967. Datuk Bandar juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru, Datuk Bandar bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

TANGGUNGJAWAB JURUAUDIT TERHADAP PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards Of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards Of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Bandaraya Johor Bahru.

- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Datuk Bandar.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Datuk Bandar dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Bandaraya Johor Bahru sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Datuk Bandar, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN PERATURAN LAIN

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

HAL-HAL LAIN

Laporan ini dibuat untuk Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

MOHD. SHAHRIL BIN YAHYA
b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia

Tarikh: 20 September 2017

PENGAKUAN BERKANUN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Fadzil bin Talib, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan, Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan seperti yang dibentangkan pada mukasurat 1 hingga 26 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di Majlis Bandaraya Johor Bahru)
pada 19 September 2017)

Di hadapan saya,

MEJAR (B) NOORZRIN BIN MOHD. NOOR
*Pesuruhjaya Sumpah
Malaysia*

Tarikh: 19 September 2017

PENYATA Y.B. DATUK BANDAR DAN KETUA WHIP, AHLI MAJLIS

Kami, Haji A. Rahim bin Haji Nin dan Haji Abd. Aziz bin Tohak yang merupakan Datuk Bandar dan Ketua WHIP, Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Johor Bahru dengan ini menyatakan bahawa, bagi pihak Ahli-ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dana dan Penyata Aliran Tunai berserta Nota-nota kepada Penyata Kewangan seperti yang dibentangkan pada muka surat 1 hingga 26 telah disediakan dengan cara yang betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang sebenar dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN
*Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Johor Bahru*

HAJI ABD. AZIZ BIN TOHAK
*Ketua WHIP, Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Johor Bahru*

Tarikh: 19 September 2017

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM (Dinyatakan Semula)
ASET			
Hartanah, Loji Dan Kelengkapan	2	61,585,200	66,617,925
Kerja Dalam Perlaksanaan	3	44,905,009	12,724,187
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	4	20,500,000	20,500,000
		<u>126,990,209</u>	<u>99,842,112</u>
ASET SEMASA			
Penghutang	5	83,677,111	61,866,485
Penghutang Pelbagai	6	4,854,166	4,110,563
Deposit Tetap	7	210,064,870	202,807,349
Tunai Dan Baki Bank	8	133,108,494	89,592,207
		<u>431,704,641</u>	<u>358,376,604</u>
LIABILITI SEMASA			
Deposit Pelbagai	9	83,240,762	73,991,230
Deposit	10	235,784	1,854,796
Pemiutang Pelbagai	11	72,389,781	75,466,065
Pajakan Kewangan	12	592,142	850,779
		<u>156,458,469</u>	<u>152,162,870</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>275,246,172</u>	<u>206,213,734</u>
		<u>402,236,381</u>	<u>306,055,846</u>
Dibiayai oleh:			
Kumpulan Wang Terkumpul Majlis	13	275,040,721	213,940,072
Kumpulan Wang Perkhidmatan Infrastruktur	14	96,277,395	70,456,769
		<u>371,318,116</u>	<u>284,396,841</u>
Pemberian Tertunda	15	19,958,431	13,672,322
Geran Tertunda	16	10,664,366	7,095,382
		<u>401,940,913</u>	<u>305,164,545</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Pajakan Kewangan	12	<u>295,468</u>	<u>891,301</u>
		<u>295,468</u>	<u>891,301</u>
		<u>402,236,381</u>	<u>306,055,846</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 4621 hingga 4642 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Johor Bahru

HAJAH NAZATUL SHIMA BINTI MOHAMAD
Timbalan Setiausaha
Majlis Bandaraya Johor Bahru

Tarikh: 19 September 2017

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM (Dinyatakan Semula)
PENDAPATAN			
Cukai Taksiran	17	236,685,926	178,513,959
Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit	18	22,609,064	26,705,672
Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan	19	15,379,024	14,664,007
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	20	766,850	6,899,205
Sewaan	21	6,054,203	5,294,704
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	22	21,450,491	17,897,365
Denda Dan Hukuman	23	2,809,297	3,805,422
Pulangkan Perbelanjaan	24	5,015,617	4,836,113
Terimaan Dari Agensi-Agensi Kerajaan	25	6,153,077	6,020,007
Pendapatan Mengurus Geran Tertunda	26	7,210,986	2,584,868
Hutang Ragu Terpulih	27	–	417,198
		<u>324,134,535</u>	<u>267,638,520</u>
PERBELANJAAN			
Gaji Dan Upahan	28	38,817,912	34,953,283
Elaun Tetap	29	12,985,675	10,423,795
Elaun Untuk Ahli-Ahli Majlis	30	302,655	281,087
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan Awam	31	6,886,420	5,183,560
Elaun Lebih Masa		6,593,817	5,580,295
Manfaat Kewangan Yang Lain	32	3,851,715	1,805,145
Perbelanjaan Perjalanan Dan Sara Hidup	33	547,105	397,263
Pengangkutan Barang-Barang		16,006	–
Perhubungan	34	728,141	733,979
Utiliti	35	19,120,653	11,385,170
Sewaan	36	1,457,121	1,382,966
Bahan-Bahan Makanan Dan Minuman		1,081	90

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM (Dinyatakan Semula)
Bekalan Bahan Mentah Dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan Dan Pembaikan	37	2,446,158	2,129,796
Bekalan Dan Bahan-Bahan Lain	38	1,846,418	1,912,232
Penyelenggaraan Dan Pembaikan	39	94,752,151	72,499,282
Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	40	10,662,531	8,245,394
Pemilikan Harta Modal	41	849,629	641,154
Anak Pokok Dan Benih	42	325,374	548,023
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	43	2,746,169	2,409,641
Pulangbalik Dan Hapuskira		780,523	225,569
Cukai Dan Pelbagai	44	2,239,546	6,681,937
Susutnilai Hartanah, Loji Dan Kelengkapan	45	7,460,832	7,103,651
Kerugian/(Keuntungan) Atas Pelupusan/Pindahan Hartanah, Loji Dan Kelengkapan		1,012,763	(224,622)
Pembangunan	46	38,309,803	46,986,651
Perbelanjaan Mengurus Geran Tertunda	47	7,210,986	2,584,868
Peruntukan Hutang Ragu	48	1,082,702	2,467,417
		<u>263,033,886</u>	<u>226,337,626</u>
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		61,100,649	41,300,894
TOLAK: CUKAI	49	—	—
LEBIHAN PENDAPATAN		<u>61,100,649</u>	<u>41,300,894</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 4621 hingga 4642 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Johor Bahru

HAJAH NAZATUL SHIMA BINTI MOHAMAD
Timbalan Setiausaha
Majlis Bandaraya Johor Bahru

Tarikh: 19 September 2017

PENYATA PERUBAHAN DANA BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

Nota	Kumpulan Wang Terumpul Majlis RM	Kumpulan Wang Perkhidmatan Infrastruktur RM	Jumlah RM
Baki Pada 1 Januari 2015	172,639,178	59,320,344	231,959,522
Lebihan Pendapatan Bagi Tahun			
– seperti dinyatakan sebelumnya	56,312,143	11,136,425	67,448,568
– pelarasan tahun terdahulu	(15,011,249)	–	(15,011,249)
– seperti dinyatakan semula	41,300,894	11,136,425	52,437,319
Baki Pada 31 Disember 2015	213,940,072	70,456,769	284,396,841
Lebihan Pendapatan Bagi Tahun			
Baki Pada 31 Disember 2016	61,100,649	25,820,626	86,921,275
	275,040,721	96,277,395	371,318,116

Nota-nota kepada Penyata Kewangan seperti pada halaman 4621 hingga 4642 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM (Dinyatakan Semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebih Pendapatan Sebelum Cukai		61,100,649	41,300,894
Kerugian/(Keuntungan) Atas Pelupusan/ Pindahan Hartanah, Loji Dan Kelengkapan		1,012,763	(224,622)
Susutnilai Hartanah, Loji Dan Kelengkapan		7,460,832	7,103,651
Pelunasan Pemberian Tertunda		(227,305)	(440,283)
Hutang Ragu Terpulih		–	(417,198)
Peruntukan Hutang Ragu		1,082,702	2,467,417
Lebih Pendapatan Operasi Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja		<u>70,429,641</u>	<u>49,789,859</u>
Perubahan Dalam Modal Kerja:			
<u>(Pertambahan) Dalam:</u>			
Penghutang		(22,893,328)	(14,950,122)
Penghutang Pelbagai		(743,603)	(3,757,336)
<u>Pertambahan/(Pengurangan) Dalam:</u>			
Wang Amanah		9,249,532	10,216,095
Deposit		(1,619,012)	18,838
Pemiutang Pelbagai		(3,076,284)	6,979,807
Tunai Dihasilkan Daripada Aktiviti Operasi		<u>51,346,946</u>	<u>48,297,141</u>
Bayaran Cukai		–	–
Tunai Bersih Dihasilkan Daripada Aktiviti Operasi		<u>51,346,946</u>	<u>48,297,141</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN:			
Pembelian Hartanah, Loji Dan Kelengkapan	51(ii)	(3,440,869)	(2,168,374)
Pembiayaan Kerja Dalam Perlaksanaan		(32,180,822)	(8,125,759)
Perolehan Dari Pelupusan Hartanah, Loji Dan Kelengkapan		–	225,887
Penebusan Instrumen Deposit Boleh Runding		–	500,000
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan		<u>(35,621,691)</u>	<u>(9,568,246)</u>

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

	Nota	2016 RM	2015 RM (Dinyatakan Semula)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN:			
Pertambahan Kumpulan Wang Perkhidmatan Infrastruktur		25,820,626	11,136,425
Terimaan Pemberian Tertunda		6,513,414	7,413,993
Pertambahan Geran Tertunda		3,568,984	5,415,551
Pembayaran Balik Pajakan Kewangan		(854,470)	(1,142,028)
Tunai Dihasilkan Daripada Aktiviti Pembiayaan		<u>35,048,554</u>	<u>22,823,941</u>
PERTAMBAHAN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI BERSIH DALAM TAHUN SEMASA		50,773,808	61,552,836
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA 1 JANUARI		292,399,556	230,846,720
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER	51(i)	<u>343,173,364</u>	<u>292,399,556</u>

Nota-nota kepada Penyata Kewangan ini seperti di halaman 4621 hingga 4642 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini dan hendaklah dibaca bersama dengannya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016

1. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Penyata Kewangan tahun 2016 disediakan mengikut piawaian yang sama sebagaimana Penyata Kewangan Tahun 2015 di mana penyata tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am Bil. 11/2016 yang telah bersidang pada 23 November 2016 dan disahkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Johor Bahru Bil. 11/2016 yang telah bersidang pada 28 November 2016.

Dasar-dasar perakaunan yang digunakan adalah seperti berikut:

1.1. ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan ini disediakan berasaskan kepada Konvensyen Kos Sejarah dan Konsep Akruan.

1.2. ASAS PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

- (a) Pendapatan-pendapatan seperti Cukai Harta, Kumbahan Berpusat, Sewa Tempat, Sewa Pasar dan Gerai, Notis dan Waran, Sewa Letak Kereta, Permit Sementara/Tambahan Ruang Udara, Pungutan SBBS (Hasil Majlis), Pendapatan Faedah (Akaun Semasa, Deposit Tetap, Instrumen Deposit Boleh Runding dan Pinjaman Kakitangan) dan Komisyen SBBS diambilkira mengikut asas akruan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2016—(Samb.)

Manakala, pendapatan-pendapatan lain seperti Caruman Bantu Kadar, Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit, Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan (kecuali Kumbahan Berpusat, Tambahan Serambi/Ruang Udara dan Komisyen SBBS), Perolehan daripada Jualan Barang-barang Lain-lain Sewa Denda dan Hukuman (kecuali Notis dan Waran), Pulangbalik Perbelanjaan dan Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan (kecuali Pelunasan Pemberian Tertunda) diambilkira mengikut asas tunai.

Selain itu, pendapatan daripada Projek Penswastan dan Usahasama diambilkira seperti berikut:—

- (i) Royalti
Royalti tahunan 3% ke atas pendapatan kasar di Kompleks Bebas Cukai, Stulang Laut diambilkira mengikut asas akruan.
- (ii) Sewa Dan Faedah Atas Tunggakan Sewa
Pendapatan sewa dan faedah atas tunggakan sewa ke atas tanah yang diserahkan untuk dibangunkan dan diuruskan oleh pihak-pihak swasta diambilkira mengikut asas akruan.
- (iii) Jualan Tanah
Penswastan tanah bagi tujuan jualan diiktiraf sebagai jualan tanah dan diambilkira mengikut asas akruan berdasarkan kadar pulangan yang dipersetujui pada tahun kewangan di mana berlakunya pindahan risiko dan pulangan daripada pihak Majlis kepada pihak-pihak swasta.
- (iv) Dividen Diterima Daripada Syarikat Bersekutu
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu diambilkira mengikut asas akruan.
- (b) Perbelanjaan diambilkira mengikut konsep asas akruan apabila berlakunya pindahan pemilikan, risiko, pulangan dan manfaat kepada Majlis.

1.3. HARTANAH, LOJI DAN KELENGKAPAN

